

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
(KOTA BHARU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar pertumbuhan ekonomi dan kadar inflasi negara sehingga ke akhir tahun 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 5.7% dalam tempoh enam bulan pertama 2017 disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan diperteguh oleh sektor luaran yang lebih baik. Berdasarkan perkembangan ekonomi yang rancak dalam tempoh separuh pertama, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar tahun ini dijangka terus mapan antara 5.2% dan 5.7% (2016: 4.2%) melepasi unjuran sebelum ini. Bagi tahun 2018,